



- | |
|--|
| <p>1. JURUTEKNIK UKUR
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
D.1-2 EB.3-4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEPULUH (10)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM :

1. a) 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Rendah atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Pengalaman yang terbukti dalam bidang Ukur Tanah / Geomatik adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Melaksanakan kerja-kerja di unit-unit di bawah Bahagian Ukur Tanah atau Bahagian Pemetaan Informatik.
2. Melaksanakan perjalanan projek-projek Ukur Tanah dan Pemetaan Informatik menepati matlamat.
3. Memastikan dan melaksanakan perjalanan kerja mengikut *Work Instruction* dalam Sistem Pengurusan Berkualiti [ISO 9001].



4. Membantu Juruteknik Ukur Kanan atau Juruteknik Ukur Tingkat I dalam pengukuran tanah dan pemetaan dilaksanakan dengan betul.
5. Menjadi Ketua Pasukan atau mana-mana yang bersesuaian di dalam pengukuran Tanah / Pemetaan / Geomatik termasuk kerja-kerja dalam pejabat.
6. Memastikan semua peralatan yang digunakan disimpan di dalam kawalan baik.
7. Memasukkan data-data ke dalam *database* untuk Sistem Maklumat Tanah jika diperlukan.
8. Bertanggungjawab ke atas pegawai dan kakitangan bawahannya.